

21/01/2000

PSP ambil 582 pelajar baru

POLITEKNIK Seberang Prai (PSP) menawarkan pelbagai kursus peringkat sijil dan diploma bagi menampung seramai 582 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV) yang memulakan pengajian mereka, kelmarin.

Tiga kursus peringkat diploma dan sijil yang ditawarkan diletakkan di bawah Jabatan Perdagangan, Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Mekanikal.

Pengetua PSP, Ashah Abd Rahman, berkata bagi sesi Julai lalu, seramai 800 pelajar baru diambil untuk kursus di bawah jabatan perdagangan, kejuruteraan elektrik dan kejuruteraan mekanikal.

Bagi sesi Januari ini, seramai 582 pelajar baru ditawarkan mengikuti pelbagai kursus. Daripada jumlah itu, seramai 435 pelajar mengikuti pelbagai kursus peringkat sijil Kejuruteraan Elektronik Komputer (75), Kejuruteraan Mekanikal Pembuatan (79), Pemprosesan Data (24), Penyimpanan Kira (40), Pengajian Perniagaan (50), Teknologi Maklumat (36), Kejuruteraan Mekanikal Tekstil (52) dan Kejuruteraan Mekanikal Loji (79).

Selain itu, seramai 147 pelajar ditawarkan mengikuti pelbagai kursus peringkat diploma kejuruteraan elektronik (komputer) (14), kejuruteraan mekanikal loji (29), kejuruteraan mekanikal pembuatan (44), perakaunan (18), pengajian perniagaan (22) dan kejuruteraan mekanikal tekstil (20).

"Sebelum ini, seramai 1,154 pelajar daripada pelbagai kaum mendapat pendidikan peringkat sijil dan diploma di PSP.

"Sebagai institusi pengajian tinggi, PSP mampu melahirkan lebih ramai tenaga mahir separuh profesional bagi memenuhi keperluan negara," katanya selepas pendaftaran kemasukan pelajar baru PSP, di Jalan Permatang Pauh, Seberang Prai Tengah, kelmarin.

PSP yang ditubuhkan 1 September 1998 dengan kos kira-kira RM140 juta mempunyai keluasan 45 hektar. Ia dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 27 November lalu.

(END)